

AKSES PERSEKITARAN PENGUJIAN (SANDBOX) MYINVOIS DIBUKA UNTUK UJIAN INTEGRASI SISTEM PERNIAGAAN PEMBAYAR CUKAI MELALUI APPLICATION PROGRAMMING INTERFACE (API)

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) dengan ini memaklumkan bahawa Persekitaran Pengujian (*Sandbox*) MyInvois telah boleh diakses bagi membolehkan pembayar cukai dan penyedia perkhidmatan (*service provider*) membuat pengujian integrasi antara sistem yang dibangunkan oleh pembayar cukai atau penyedia perkhidmatan dengan MyInvois melalui *Application Programming Interface* (API).

Akses kepada *Sandbox* MyInvois bagi syarikat rintis (*pilot company*) pelaksanaan e-Invois telah dibuka mulai 10 April 2024, manakala bagi lain-lain syarikat dan *service provider* pula akan dibuka mulai 22 April 2024. Bagi mengakses *sandbox* berkenaan, pembayar cukai atau *service provider* perlu memohon *Client ID* dan *Client Secret* daripada pihak HASiL melalui e-mel sdkmyinvois@hasil.gov.my dengan menyertakan maklumat seperti yang berikut:

- a. Nombor Pengenalan Cukai (TIN),
- b. Nombor Pendaftaran Perniagaan,
- c. Nama syarikat,
- d. e-mel syarikat dan
- e. Nama sistem *Enterprise Resource Planning* (ERP) yang digunakan

Maklumat lanjut berkaitan akses *Sandbox MyInvois* ini boleh dicapai menerusi Nota Penerangan di *Software Development Kit (SDK) e-Invois* menerusi pautan <https://sdk.myinvois.hasil.gov.my> dan Soalan Lazim SDK menerusi pautan <https://sdk.myinvois.hasil.gov.my/faq>.

HASiL juga ingin memaklumkan bahawa *Software Development Kit (SDK) versi 1.0*, *Garis Panduan Umum e-Invois (Versi 2.3)* dan *Garis Panduan Spesifik e-Invois (Versi 2.1)* telah boleh dimuat naik ke Laman Mikro e-Invois di Portal Rasmi HASiL menerusi pautan <https://www.hasil.gov.my/e-invois> pada 6 April 2024 sebagai rujukan dan panduan kepada pembayar cukai.

Sebarang pertanyaan lanjut berhubung SDK dan *Sandbox Sistem MyInvois*, pembayar cukai boleh menghubungi talian 03-8682 8000 atau e-mel ke sdkmyinvois@hasil.gov.my.

SEKIAN, TERIMA KASIH.

ESCALATE THE PASSION

Dikeluarkan Oleh:
Bahagian Perhubungan Awam dan Multimedia | Jabatan Khidmat Korporat
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Hasil Contact Centre: 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (luar negara)

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 10 April 2024



@HASiLMalaysia



@HASiL_Malaysia



@hasil_malaysia



@HASiL_Malaysia



@hasil_malaysia